

**Dr Muthiah Alagappa Penyanggah Pertama Kursi Tun Hussein Onn
Bernama
28 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) melantik cendekiawan dan penulis Datuk Dr Muthiah Alagappa sebagai penyanggah pertama Kursi Tun Hussein Onn.

Dalam kenyataan Rabu, ISIS berkata pelantikan Dr Muthiah adalah bagi tempoh dua tahun berkuatkuasa 1 Jan 2012.

Beliau adalah cendekiawan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dan pernah menyanggah jawatan kanan dalam kumpulan pemikir serta institusi penyelidikan di di Amerika.

Dr Muthiah, yang telah mengarang pelbagai buku berpengaruh, juga pernah menyanggah jawatan profesor pelawat di beberapa universiti terkemuka Stanford.

Kursi berkenaan, yang diwujudkan bagi menghargai sumbangan Tun Hussein dalam pembentukan dasar luar Malaysia, bermatlamat memajukan dan meneruskan inisiatif berwawasan jauh bekas Perdana Menteri Malaysia itu.

ISIS berkata penubuhan Kursi itu juga akan memberi sumbangan positif ke arah kemajuan kajian antarabangsa di negara ini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655471>